

TERIMA ARAHAN PENGANTARAAN?

APA YANG ANDA PERLU TAHU.






APAKAH ITU ARAHAN PENGANTARAAN?

Arahan Pengantaraan ialah dokumen undang-undang yang dikeluarkan oleh pegawai yang diberi kuasa daripada Unit Perhubungan Masyarakat (CRU), Lembaga Perumahan dan Pembangunan (HDB), Persatuan Rakyat (PA) atau Pusat Pengantaraan Masyarakat (CMC) kepada penduduk yang berjiran. Ia memerlukan individu yang dinamakan untuk menghadiri sesi pengantaraan di CMC atau di tempat yang ditetapkan untuk membincangkan isu mereka secara baik.

MENGAPA SAYA MENERIMA ARAHAN PENGANTARAAN?

Anda telah menerima Arahan Pengantaraan kerana sebuah agensi yang diberi kuasa telah menilai bahawa pengantaraan adalah sesuai untuk membantu menyelesaikan isu antara anda dan jiran anda. Kedua-dua pihak dikehendaki menghadiri pengantaraan di CMC atau di tempat yang ditetapkan.





APAKAH PENGANTARAAN?

Pengantaraan ialah satu proses sulit di mana seorang pengantara yang terlatih membantu pihak-pihak yang terlibat membincangkan kebimbangan mereka dan berusaha ke arah penyelesaian yang boleh diterima bersama.

SIAPAKAH YANG AKAN TERLIBAT DALAM PENGANTARAAN?

Pengantaraan akan melibatkan semua pihak yang dinamakan dalam Arahan Pengantaraan. Ia akan dikendalikan oleh pengantara CMC yang terlatih.

PERANAN PENGANTARA




Peranan pengantara adalah untuk menyediakan ruang yang selamat dan neutral bagi pihak-pihak yang terlibat untuk berkongsi isu mereka secara terbuka, tanpa menyebelahi mana-mana pihak.



Maklumat yang dikongsi semasa sesi bersama dan tertutup adalah sulit. Ia hanya akan dikongsi dengan pihak yang satu lagi dengan persetujuan anda.

MENGAPA SAYA PERLU MENCUBA PENGANTARAAN?



BAGAIMANA JIKA SAYA TIDAK DAPAT HADIR?

Jika anda tidak dapat hadir pengantaraan pada tarikh dan masa yang dinyatakan, sila hubungi kami secepat mungkin supaya kami dapat membantu anda.

Kegagalan untuk mematuhi Arahan Pengantaraan tanpa alasan yang munasabah adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 13R Akta Penyelesaian Pertikaian Komuniti 2015. Jika disabit kesalahan, anda boleh dikenakan denda sehingga \$1,500.



PERJALANAN PENGANTARAAN ANDA



1

Baca Arahan Pengantaraan Anda dengan Teliti

Sila ambil perhatian tarikh, masa, tempat dan tarikh akhir yang dinyatakan. Hubungi kami jika anda mempunyai sebarang soalan.

2



Bersiap untuk Sesi Anda

Sebelum sesi anda, fikirkan tentang isu-isu yang anda ingin bincangkan dan hasil yang anda harap untuk capai.

Tidak perlu mengemukakan bukti. Pengantaraan adalah perbualan antara pihak-pihak, bukan perbicaraan rasmi.



3

Hadiri Sesi

Bawa bersama pengenalan diri yang dikeluarkan oleh pemerintah (Kad Pengenalan, passport, lesen memandu, dll) untuk tujuan pengesahan dan tiba 20 minit lebih awal bagi melengkapkan urusan pentadbiran pra-pengantaraan.

Pengantaraan akan berlangsung di CMC di Ministry of Law Services Centre, 45 Maxwell Road, #07-11, URA Centre East Wing, Singapore 069118 atau di tempat yang ditetapkan.



4

Capai Persetujuan atau Pertimbangkan Langkah Seterusnya

Jika kedua-dua pihak mencapai persetujuan, anda akan menandatangani dan menerima salinan perjanjian yang ditandatangani dalam tempoh 3 hari bekerja.

Jika tiada persetujuan dicapai, anda boleh mempertimbangkan untuk memfailkan tuntutan di Tribunal Penyelesaian Pertikaian Masyarakat (CDRT).

HUBUNGI KAMI

PUSAT PENGANTARAAN MASYARAKAT (CMC)

Ministry of Law Services Centre (MSC)
45 Maxwell Road, #07-11 The URA Centre (East Wing)
Singapore 069118

Waktu Operasi: Isnin hingga Jumaat
8.30pg hingga 5.00ptg

Hubungi kami: 1800-2255-529

Pertanyaan Dalam Talian: <https://go.gov.sg/mdenquiry>

Laman Web: <https://cmc.mlaw.gov.sg/>

Imbas untuk serahkan
pertanyaan:



<https://go.gov.sg/mdenquiry>

MENGUNJUNGI CMC

Lokasi:

- Bertentangan Pusat Makanan Maxwell
- Bersebelahan Galeri Bandar Singapura Pusat URA

Stesen MRT Terdekat:

- Stesen MRT Maxwell (TE18),
5 minit berjalan kaki
- Stesen MRT Tanjong Pagar (EW15),
8 minit berjalan kaki

Perhentian Bas Terdekat:

Stesen Maxwell Exit 2 (05269), 3 minit berjalan kaki
Perkhidmatan Bas: 80, 145



Sumber Peta: OneMap, Penguasa Tanah Singapura (SLA)

Tempat Letak Kereta Terdekat:

- Tempat Letak Kereta East Wing Pusat URA
- Tempat Letak Kereta Terbuka URA (masuk melalui Jalan Maxwell)